



**INSTITUT KANSER NEGARA
PUTRAJAYA**

DOKUMEN SEBUT HARGA

TAJUK : **TAWARAN SEBUT HARGA
PEMBEKALAN UBAT *BEVACIZUMAB*
100MG/4ML INJECTION
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
DI INSTITUT KANSER NEGARA,
PUTRAJAYA**

NO. SEBUT HARGA : **IKN/SH/33/2014**

TARIKH IKLAN : **4 JULAI 2014 (JUMAAT)**

**TARIKH / MASA
DITUTUP** : **11 JULAI 2014 (JUMAAT)
JAM 12.00 TENGAHARI**

KOD BIDANG : **050202**

NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/33/2014

**TAWARAN SEBUT HARGA PEMBEKALAN UBAT *BEVACIZUMAB*
100MG/4ML INJECTION BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
DI INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA**

KANDUNGAN

- I. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA
- II. KENYATAAN SEBUT HARGA
- III. ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
- IV. CADANGAN TEKNIKAL
- V. CADANGAN KEWANGAN

** Penyebutharga adalah diingatkan supaya melindungi dokumen ini sepertimana yang termaktub di bawah Akta Rasmi 1972.*

I. SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA

SYARAT-SYARAT AM

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan. Tawaran harga juga hendaklah mengambil kira fi perkhidmatan bagi perolehan secara elektronik sebanyak 0.4% bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM4,800.00 bagi Pesanan Kerajaan yang melebihi RM1.2 juta. Fi yang dikenakan ini adalah seperti yang termaktub dalam Terma dan Syarat bagi Pendaftaran Pembekal di bawah Sistem ePerolehan.

3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. PENYETUJUAN

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga.
- (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

- (i) Kerajaan adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang (perkhidmatan) yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. PENOLAKAN

- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
- (iii) Fasa-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kemungkiran kontrak.

9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURANS

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATA WANG

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM)

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak membungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

II. KENYATAAN SEBUT HARGA

KENYATAAN SEBUT HARGA
NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/33/2014

1. PERIHAL

Sebut harga ini dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan *eP-enabled* bagi **Tawaran Sebut Harga Pembekalan Ubat *Bevacizumab 100mg/4ml Injection* Bagi Tempoh Satu (1) Tahun di Institut Kanser Negara (IKN) Putrajaya**

2. TARIKH SEBUT HARGA DIKELUARKAN

4 Julai 2014 (Jumaat)

3. TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP

11 Julai 2014 (Jumaat) pada atau sebelum jam 12.00 t/hari

4. KELAYAKAN PENYEBUTHARGA

Sebut Harga ini dibuka kepada mana-mana syarikat yang mempunyai **kad pintar ePerolehan** dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang berikut:-

No	Tajuk	Kod Bidang
1	Ubat dan Bahan Ubatan- Racun Berjadual (Perlu Lesen Farmasi (<i>Type A Licence</i>) dari Jabatan Kesihatan Negeri)	050202

5. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA (MANUAL)

Cadangan Kewangan dan Cadangan Teknikal yang telah lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) dan dimuatnaik ke dalam sistem ePerolehan **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup**. Manakala serahan manual beserta Dokumen Sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Institut Kanser Negara, Jabatan Pengurusan, Aras 6, No. 4, Jalan P7, Presint 7, 62250 Putrajaya** sebelum atau pada jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

6. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan masalah pengendalian sistem ePerolehan hendaklah menghubungi alamat di bawah:

Commerce Dot Com Sdn. Bhd.

Second Floor, Bangunan Amtek
15 Jalan Tandang
46050 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03 7985 7777 (Bagi Pembekal) Fax : 03-7985 7800

e-mail: bantuan@ePerolehan.gov.my

Waktu Pejabat : 9:00 pagi - 5:30 petang (Isnin hingga Jumaat)

Sabtu & Ahad tutup

ATAU eP Shoppe di Kementerian Kewangan Malaysia :

Kaunter Perkhidmatan ePerolehan

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan
Tingkat Bawah, Blok Utara
Kompleks Kementerian Kewangan
Precinct 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 Putrajaya

Waktu Pejabat : 7:30 pagi - 5:00 petang (Isnin hingga Jumaat)

Sabtu & Ahad tutup

Sebarang pertanyaan berkaitan teknikal hendaklah disalurkan kepada:-

Institut Kanser Negara

**Jabatan Farmasi,
Aras 1, Institut Kanser Negara,
No. 4, Jalan P7, Presint 7,
62250 Putrajaya**

Tel: 03-8892 1213 / 03-8892 1215

Faks: 03-8892 5624

III. ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

**ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA
NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/33/2014**

1. CADANGAN SEBUT HARGA

Penyebutharga hanya dibenarkan menghantar SATU (1) jenis cadangan sahaja bagi sebut harga yang ditawarkan.

2. BORANG-BORANG YANG PERLU DIISI

- i. Lampiran Q
- ii. Lampiran A
- iii. Lampiran B
- iv. Lampiran C
- v. Lampiran D
- vi. Lampiran E

3. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

3.1 Penyerahan Dokumen Atas Talian :

Penyebutharga hendaklah mengunci masuk (*key-in*) cadangan Tawaran Teknikal dan Kewangan serta memuat naik (*upload*) dokumen-dokumen berikut tanpa membuat pengubahsuaian kepada dokumen asal ke dalam sistem ePerolehan melalui Medium Akses ePerolehan Penyebutharga:-

- i. **Lampiran A** : Dokumen Pematuhan Spesifikasi (Wajib); dan
- ii. **Lampiran D** : Jadual Harga Tawaran (Wajib).

3.2 Dokumen-dokumen **wajib yang perlu dihantar secara manual adalah :**

Cadangan Teknikal

Bil	Manual	Semak
1	Profail Syarikat	
2	Lampiran A : Dokumen Pematuhan Spesifikasi Pembekalan	
3	Lampiran B : Borang Maklumat Penyebutharga	
4	Lampiran C : Surat Akuan Penyebutharga	
5	Lampiran E : Senarai Semakan	

Cadangan Kewangan

Bil	Manual	Semak
1	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	
2	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan & Sijil Akuan Bumiputera-jika ada	
3	Salinan Penyata Bulanan Bank 3 Bulan Terakhir	
4	Lampiran Q	
5	Lampiran D : Jadual Tawaran Harga	

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan perlu disediakan dalam dua sampul surat yang berasingan dan kedua-dua sampul surat tersebut pula hendaklah dimasukkan dalam satu sampul surat yang lebih besar beserta dengan dokumen sokongan lain. Sila catat **TAJUK SEBUT HARGA, NOMBOR SEBUT HARGA** disebelah kiri sampul surat dan diserahkan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Pihak Kerajaan berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

4. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut harga mestilah sah laku dalam jangka masa sekurang-kurangnya **sembilan puluh (90) hari** daripada tarikh tutup sebut harga.

5. KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI

Keperluan dan spesifikasi bagi pembekalan yang diperlukan dalam sebut harga ini adalah dinyatakan dalam Spesifikasi Sebut Harga.

6. PEMBERITAHUAN TAWARAN

Kerajaan akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima Sebut Harga kepada penyebutharga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku sebut harga atau jangka masa tambahan yang terlibat.

7. HARGA

Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan hendaklah termasuk semua kos perkhidmatan. Harga ini mestilah tidak termasuk semua cukai duti kastam dan mestilah sah laku (*valid*) dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga. Harga-harga yang ditawarkan adalah termasuk semua kos yang bersangkutan dengan Pembekalan Ubat-ubatan.

Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup, dan akan berkuatkuasa selama tempoh sahlaku sebut harga. kontraktor yang berjaya ditawarkan sebut harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

8. FI PERKHIDMATAN TRANSAKSI ePEROLEHAN

Fi Perkhidmatan untuk transaksi melalui elektronik yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) akan dikenakan sebanyak **0.4%** bagi setiap nilai Pesanan Kerajaan tertakluk kepada had maksimum RM4,800.00 bagi Pesanan Kerajaan yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.

9. POLISI INSURANS

Kontraktor dengan perbelanjaan sendiri dikehendaki mengambil polisi insuran bagi kenderaan yang disewakan dan lain-lain polisi yang difikirkan perlu dan diminta oleh Kerajaan.

10. JADUAL PEMBAYARAN

Kerajaan akan membuat pembayaran dalam Ringgit Malaysia (RM) kepada Penyebutharga secara bulanan sehingga tamat tempoh pembekalan.

11. KESIMPULAN

Penyebutharga adalah dinasihati berhati-hati di dalam penyediaan semua maklumat dan memastikan maklumat yang perlu diisi di semua lampiran adalah dipatuhi.

Sila rujuk Lampiran F bagi maklumat yang perlu dilekatkan pada sudut kiri sampul cadangan teknikal, harga dan sampul besar yang mengandungi kedua-dua cadangan teknikal dan harga yang perlu dihantar secara manual.

IV. CADANGAN TEKNIKAL

- (i) Spesifikasi Teknikal
- (ii) Lampiran A : Ringkasan Spesifikasi Teknikal
- (iii) Lampiran B : Borang Maklumat Penyebutharga
- (iv) Lampiran C : Surat Akuan Penyebutharga
- (v) Lampiran E : Senarai Semakan

V. CADANGAN KEWANGAN

- (i) Lampiran D (Jadual Harga)
- (ii) Lampiran Q

PEMBEKALAN UBAT *BEVACIZUMAB 100MG/4ML INJECTION* DI INSTITUT KANSER NEGARASPESIFIKASI UBAT

SEKSYEN 1-PERIHAL PRODUK

1.1 BUTIRAN

Bevacizumab 100mg/4ml Injeksi
(Sila nyatakan jenama yang ditawarkan)

1.2 *SYARAT WAJIB - KANDUNGAN BAHAN AKTIF

1.2.1 Mengandungi 100mg *Bevacizumab* dalam setiap vial/ampul.

1.3 *SYARAT WAJIB - BERDAFTAR DENGAN PBKD

1.3.1 Produk mesti berdaftar dengan PBKD sewaktu penilaian teknikal.

1.3.2 **Sila nyatakan nombor pendaftaran PBKD.**

1.4 *PEMBUNGKUSAN

1.4.1 Setiap vial mengandungi 4ml larutan produk dinyatakan.

1.4.2 Beberapa vial dibungkus di dalam kotak yang sesuai.

1.4.3 Pembungkusan yang mudah dibezakan daripada ubat lain.

1.5 SISIP BUNGKUSAN

1.5.1 Setiap kotak mesti mengandungi satu sisip bungkusan.

1.5.2 Sisip bungkusan mesti mengandungi maklumat cara rekonstitusi, data stabiliti dan ujian kawalan mutu.

1.6 PELABELAN

Pelabelan pada vial dan kotak pembungkusan mesti menepati keperluan PBKD.

1.7 *KUANTITI

Kuantiti yang diperlukan ialah **170 vial**

1.8 LAIN-LAIN KEPERLUAN

Mengisytiharkan kandungan produk mengandungi bahan bahan dari sumber 'porcine' atau 'bovine' jika berkaitan.

SEKSYEN 2-SYARAT-SYARAT SERAHAN

2.1 TARIKH LUPUT

Sekurang-kurangnya **18** bulan dari tarikh penyerahan atau mendapat persetujuan bertulis daripada Pegawai Farmasi jika tarikh luput kurang daripada tempoh tersebut. Surat *Letter of Undertaking (LOU)* mesti disertakan jika tarikh luput bekalan ubat kurang dari **18** bulan dari tarikh penghantaran. Surat LOU adalah satu jaminan bagi menggantikan stok baru yang bertarikh luput lebih panjang sekiranya stok yang lama tidak dapat dihabiskan tanpa mengenakan apa-apa kos tambahan kepada Institut Kanser Negara.

2.2 *TEMPOH SERAHAN

Dalam masa 30 hari dari tarikh pesanan dikeluarkan

(Nyatakan samaada ex-stok ATAU jangkaan tempoh serahan)

2.3 TEMPAT SERAHAN

Stor Perubatan, Jabatan Farmasi, Institut Kanser Negara

Sila nyatakan
tawaran di ruangan
ini

Sila ambil perhatian: Perkara yang bertanda (*) adalah **WAJIB DINYATAKAN** semasa mengemukakan tawaran.

**MAKLUMAT PENYEBUTHARGA
(SILA LENGKAPKAN DENGAN MENGGUNAKAN
PEN/COP BERDAKWAT HITAM/BIRU)**

1.0 NAMA SYARIKAT:

2.0 ALAMAT SYARIKAT/ NO. TELEFON / NO. FAKS SYARIKAT :

3.0 NO. SIJIL PENDAFTARAN SYARIKAT :

4.0 NO. SIJIL KEMENTERIAN KEWANGAN / TEMPOH TAMAT PENDAFTARAN :

5.0 JUMLAH MODAL BERBAYAR :
(Sila sertakan dengan borang 24, 44, 49 yang terkini)

6.0 PENGALAMAN YANG BERKAITAN
(BAGI 5 PEMBEKALAN TERKINI : KERJA DALAM TANGAN)

Bil	Lokasi Projek	Tempoh Kontrak	Nilai Kontrak (RM)
1			
2			
3			
4			
5			

- Sila sertakan dengan surat tawaran/ surat sokongan / notis tamat kontrak.
(Ruangan ini wajib diisi)

7.0 PEGAWAI YANG BOLEH DIHUBUNGI:

8.0 MAKLUMAT BANK :

- NAMA BANK :
- ALAMAT BANK :
- NO. AKAUN BANK :

SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA
BAGI TAWARAN SEBUT HARGA PEMBEKALAN UBAT *BEVACIZUMAB 100MG/4ML*
***INJECTION* BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN**
DI INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA

NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/33/2014

Saya, nombor K.P
yang mewakili No. Pendaftaran
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut Kanser Negara, Putrajaya** atau mana-mana individu lain, sebagai ganjaran mendapatkan tender/ SEBUT HARGA* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Institut Kanser Negara, Putrajaya** atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran mendapatkan tender/ SEBUT HARGA* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/SEBUT HARGA* di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi tender/SEBUT HARGA* di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut Perolehan Kerajaan

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini ganjaran mendapatkan tender/SEBUT HARGA* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....
Nama:
No.K/P:

Cop Syarikat:

Catatan: * potong mana yang tidak berkenaan

JADUAL TAWARAN HARGA

TAWARAN SEBUT HARGA PEMBEKALAN UBAT *BEVACIZUMAB 100MG/4ML INJECTION* BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DI INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA

BIL.	ITEM	KUANTITI (VIAL)	TAWARAN HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH TAWARAN HARGA (RM)
1	<i>Bevacizumab 100mg/4ml Injection</i>	170		
Jumlah Tawaran Harga				

PENYEBUTHARGA PERLU MENGAMBIL KIRA KOS TRANSAKSI ePEROLEHAN SEBANYAK 0.4% DALAM JUMLAH TAWARAN HARGA KESELURUHAN

Saya bersetuju untuk menawarkan pembekalan ini dengan nilai harga RM..... bagi tempoh satu (1) tahun.

Tawaran ini adalah sah bagi tempoh sah laku : **90 hari** dari tarikh buka sebutharga.

.....

Tandatangan Pemilik/Wakil

Nama Penuh:.....

No.K/P:

Alamat

Meterai atau Cop Pembekal



SENARAI SEMAK

**TAWARAN SEBUT HARGA PEMBEKALAN UBAT BEVACIZUMAB 100MG/4ML INJECTION
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN DI INSTITUT KANSER NEGARA
NO. SEBUT HARGA : IKN/SH/33/2014**

Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh JK Pembuka Sebut Harga
Cadangan Teknikal			
1	Profail Syarikat		
2	* Lampiran A : Dokumen Pematuhan Spesifikasi Pembekalan		
3	Lampiran B : Borang Maklumat Penyebutharga		
4	Lampiran C : Surat Akuan Penyebutharga		
5	Lampiran E : Senarai Semakan		
6	Katalog / Lain-lain sekiranya ada		
Cadangan Kewangan			
7	Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)		
8	Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan & Sijil Akuan Bumiputera - jika ada		
9	Salinan Penyata Bulanan Bank 3 Bulan Terakhir		
10	Lampiran Q		
11	* Lampiran D : Jadual Tawaran Harga		
12	Lain-lain sekiranya ada		

*** *Wajib dihantar secara atas talian dan manual***

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebutharga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :	Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil..... (jika ada). Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh : Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :

**SAMPEL KERATAN YANG PERLU DILEKATKAN PADA SAMPUL CADANGAN
TEKNIKAL, HARGA DAN SAMPUL BESAR YANG MENGANDUNGI KEDUA-DUA
CADANGAN TERSEBUT**

**TAJUK SEBUT HARGA: PEMBEKALAN UBAT *BEVACIZUMAB*
100MG/4ML INJECTION BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
DI INSTITUT KANSER NEGARA, PUTRAJAYA**

NO. SEBUTHARGA : IKN/SH/33/2014

**ALAMAT JABATAN : JABATAN PENGURUSAN
INSTITUT KANSER NEGARA,
ARAS 6,
NO.4, JALAN P7, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA**

LAMPIRAN Q

(Kew. 284-Pin.2/94)

Bila menjawab, sila nyatakan
Nombor ini

No. Sebutharga: IKN/SH/33/2014
INSTITUT KANSER NEGARA

KERAJAAN MALAYSIA

**(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**PEMBEKALAN UBAT *BEVACIZUMAB 100MG/4ML INJECTION*
BAGI TEMPOH SATU (1) TAHUN
DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN) PUTRAJAYA**

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG DAN PERKHIDMATAN

Kepada:

Pelawaan Sebut Harga dikeluarkan

INSTITUT KANSER NEGARA ,
PUTRAJAYA
No. 4, Jalan P7, Presint 7
62250 Putrajaya

No. Telefon:

No. Telefon: **03-8892 5555**

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Tarikh : 4 Julai 2014

Kewangan:

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan

dengan pembekalan ini: **050202**

Sila beri Sebut Harga untuk **Pembekalan Ubat *Bevacizumab 100mg/4ml Injection***
Bagi Tempoh Satu (1) Tahun di Institut Kanser Negaran (IKN), Putrajaya

1. tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:-
 - 1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan.
 - 1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki **7 hari dari tarikh Sebut Harga diiklankan.**
 - 1.3 Arahan Pengiriman Dihantar/serah ke alamat di atas.
 - 1.4 Sebut Harga dimasukkan ke dalam satu sampul berlakri dan bertanda No. Sebut Harga **IKN/SH/33/2014.**
 - 1.5 Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengahari **11 Julai 2014 (Jumaat).**
 - 1.6 Tempoh sah laku Sebut Harga hendaklah (90) hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: Tandatangan :.....

 Nama Pegawai :

 Jawatan :

Bil.	Perihal Bekalan/Perkhidmatan Dan Syarat-Syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan			Untuk diisi oleh Penyebutharga	
1.	Skop pembekalan seperti <u>di Lampiran A</u>	170 vial		
2.	Jumlah tawaran harga keseluruhan Tawaran harga secara terperinci adalah seperti <u>di Lampiran D</u> Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan adalah mengikut jadual penghantaran *Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan/Sijil Akuan Bumiputera, jika ada.			

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan penyempurnaan adalah mengikut jadual penghantaran

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan
Penyebut Harga:.....

Nama dan No. KP:.....

Alamat Syarikat:

Tarikh:.....